

TINGKAH LAKU MASYARAKAT TERHADAP PROGRAM KITAR SEMULA: KAJIAN KES DI DAERAH BATU PAHAT

Seow Ta Wee¹, Jamaluddin Md Jahi² & Indera Syahrul Mat Radzuan¹

¹Jabatan Pengurusan Pembinaan & Harta Tanah
Fakulti Pengurusan Teknologi
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

² Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia
36000 Bangi, Selangor.

tawee@uthm.edu.my¹; jamalmj@pkisc.cc.ukm.my²; syahrul@uthm.edu.my¹

Abstrak

Salah satu bahan hasil daripada pembangunan adalah sisa pepejal, program kitar semula telah diperkenalkan oleh pihak berkuasa bagi mengurangkan masalah ini. Akan tetapi penyertaan orang awam terhadap program ini masih kurang memuaskan. Tujuan kertas ini adalah untuk mengkaji tingkah laku orang awam terhadap program kitar semula. Kajian kes ini dijalankan di Daerah Batu Pahat, Johor. Seramai 383 orang responden telah digunakan bagi mewakili populasi penduduk di daerah tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden memperolehi banyak informasi berkaitan dengan kitar semula melalui pelbagai sumber, tetapi tabiat untuk kitar semula dalam kalangan penduduk di sekitar daerah Batu Pahat masih kurang. Pengetahuan responden terhadap kegunaan tong tiga warna masih rendah lagi. Hanya 5 peratus daripada responden yang sedang mengikut program kitar semula. Pelbagai alasan telah dibemukakan kenapa tidak menjalankan program kitar semula ini. Akhirnya, pihak berkuasa perlu merancang satu pendekatan baru bagi melaksanakan program kitar semula.

Kata Kunci: *tingkah laku; pengurusan sisa pepejal; program kitar semula.*

1.0 PENGENALAN

Kerancangan proses urbanisasi di Malaysia telah memberi satu natijah yang tersembunyi iaitu penjana sampah atau sisa pepejal yang dihasilkan oleh manusia. Sampah atau sisa pepejal didefinisikan sebagai sesuatu yang tidak digunakan dan tidak mempunyai nilai ekonomi setelah melalui proses terakhir.

Kini, kawasan perbandaran di Malaysia menghasilkan kira-kira 15,000 tan sisa pepejal perbandaran sehari berbanding 12,467.6 tan sehari pada tahun 1991 (Seow, 2003). Pada tahun 2000, kadar penjana sisa pepejal telah dijangka meningkat sebanyak 0.9 hingga 1.0 kilogram per kapita sehari. Peningkatan ini berlaku adalah ekoran daripada peningkatan dalam populasi di kawasan bandar.

Bagi mengatasi masalah pengurusan sampah sarap, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan program kitar semula pada tahun 1993, tetapi program ini tidak berjaya mencapai matlamatnya. Pada 2 Disember 2000, sekali lagi KPKT telah melancarkan program yang sama. Setelah menimbang pelbagai perkara dan mengambil iktibar daripada pengalaman lalu, Program Kitar Semula Kebangsaan diformulakan melalui kriteria-kriteria berikut:

Objektif	Sasaran
Untuk memupuk tabiat kitar semula dan 3R (program kitar semula) dalam masyarakat Malaysia	Untuk mencapai sasaran fizikal peningkatan sebanyak 1 peratus dalam pengitaran semula sisa pepejal setiap tahun. Penstabilan dan pengurangan dalam penjanaan sisa per kapita dalam tempoh yang ditetapkan.

(Seow, 2004)

Walaupun Program Kitar Semula ini bermatlamat untuk mencapai peningkatan satu peratus dalam program kitar semula tahunan. Akan tetapi, sehingga kini aktiviti ini bukanlah suatu tabiat yang diamalkan oleh warga Malaysia dalam menguruskan sampah sarap harian. Tujuan kertas ini ialah untuk mengkaji tabiat mengitar semula sampah sarap di kalangan penduduk di daerah Batu Pahat, Johor.

Menurut kajian oleh Kironde & Yhdego (1997), penduduk di Dar es Salaam tidak melibatkan diri dalam pengurusan sampah setempat, akibat daripada pihak kerajaan tempatan dan pihak swasta tidak pernah memberi input berbentuk taklimat mahupun perundingan kepada penduduk tempatan. Keadaan tersebut telah menimbulkan masalah bagi pihak penjana sampah yang kurang kefahaman terhadap pengurusan sampah yang bersistematik. Mereka mencadangkan bahawa model pengurusan sampah sarap perlu berasaskan komuniti. Kajian Mongholnchiarunya (2005) menyatakan bahawa untuk mengurangkan ruang di tapak pelupusan, memerlukan pengurusan kitar semula yang baik. Penerapan kempen 'sampah untuk telur' telah menarik penduduk tempatan terutamanya golongan miskin dengan menukar sampah yang boleh dikitar semula dengan telur. Akhirnya, sampah yang dibuang ke tapak telah dikurangkan manakala peratusan kitar semula telah meningkat sebanyak dua kali ganda.

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada tingkah laku dan pelaksanaan kitar semula, secara umumnya ia dibahagikan kepada dua iaitu; (i) faktor tingkah laku dan (ii) faktor penglibatan dengan program kitar semula. Jika di peringkat awalan persepsi terhadap kitar semula adalah negatif maka aktiviti kitar semula adalah negatif bagi seseorang penghuni (Wang et. al. 1997). Kajian Gurder Adams (1990) dan Burca et. al. (1994) menunjukkan bahawa penduduk yang lebih minat menjalankan aktiviti kitar semula akan menghasilkan lebih sampah yang boleh dikitar semula berbanding dengan penduduk yang kurang minat aktiviti kitar semula.

Kekerapan pungutan bahan yang boleh dikitar semula boleh meningkatkan kadar pungutan bahan tersebut seperti yang dijalankan oleh Organisation for Economic Co-operation and Development bagi komuniti di Brussels (OCED, 1993). Penyediaan tong bagi bahan plastik dan tin aluminum di setiap rumah akan meningkatkan pungutan bahan kitar semula bagi bahan-bahan tersebut (Howkins, 1991). Beberapa kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa tong kitar semula yang diberi secara percuma bagi setiap isirumah akan meningkatkan kadar pungutan bahan boleh kitar semula sebanyak dua kali ganda (Hageman, 1989 & Schmerling, 1990). Jelas di sini ialah dengan peningkatan pungutan sampah yang boleh dikitar semula dan penyediaan tong kitar semula bagi setiap isirumah akan meningkatkan bahan kitar semula itu untuk dipungut. Strategi promosi yang efektif di antara firma pemungut sampah dengan penduduk setempat merupakan salah satu kunci kejayaan yang boleh meningkatkan kadar bahan dikitar semula di sesuatu kawasan.

2.0 METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Satu set soal selidik telah dibentuk bagi meninjau tingkah laku masyarakat terhadap program kitar semula di kawasan kajian. Set soal selidik ini mengandungi; (1) latar belakang responden; dan (2) sikap terhadap kitar semula. Sampel tersebut adalah mengikut kadar kepadatan penduduk di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti. Jumlah responden adalah seramai 383 orang dan dipilih melalui persampelan rawak di kawasan bandarn dan pekan utama di Daerah Batu Pahat, Johor.

Batu Pahat (Rajah 1) adalah salah satu daerah dari lapan daerah yang berada di negeri Johor. Daerah Batu Pahat terletak di Barat Johor (103°T , 1.93°U), daerah ini mempunyai penduduk seramai 335,368 orang dengan merangkumi keluasan 187,702 hektar, yang meliputi 14 buah mukim. Daerah Batu Pahat ditadbir oleh dua buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terdiri daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan Majlis Daerah Yong Peng (MDYP). Jumlah penduduk di daerah ini pada tahun 2000 mengikut Laporan Banci Penduduk 2000 adalah seramai 336,509 dengan kadar pertumbuhan purata bagi tahun 1991 hingga tahun 2000 adalah sebanyak 1.46 peratus, yang mana majoriti penduduk adalah kaum Melayu Bumiputera (66.02 peratus), Cina (32.15 peratus), India (1.68 peratus) dan lain-lain komposisi etnik ialah 0.14 peratus

Rajah 1: Daerah Batu Pahat dalam Peta Negeri Johor Darul Ta'zim.



Jadual 1 di bawah menunjukkan data jumlah kutipan daripada tong kitar semula di beberapa tempat kutipan di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) pada tahun 2005. Jumlah kutipan sampah keseluruhan daripada tong kitar semula dicatatkan berjumlah 77,032.00 kg. Mengikut pecahan, kutipan di sekolah menunjukkan angka tertinggi dengan jumlah kutipan sebanyak 56,533.50 kg. Manakala kutipan daripada sektor institusi dan komuniti masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 15,440.50 kg dan 5,058.00 kg.

Jadual 1: Jumlah Kutipan daripada Tong Kitar Semula di Kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) pada Tahun 2005

Tempat Kutipan	Jumlah (kg)
Institusi	15,440.50
Komuniti	5,058.00
Sekolah	56,533.50
Jumlah Keseluruhan (kg)	77,032.00

Sumber: Southern Waste Management Sdn Bhd (2006)

Daripada maklumat yang diperolehi daripada pihak Southern Waste Management Sdn. Bhd., 95 peratus bahan yang diperolehi daripada tong kitar semula akan menjalani proses kitar semula setelah kerja-kerja pengasingan

dilakukan. Ini jelas menunjukkan bahawa penyediaan tong kitar semula banyak membantu meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap penerimaan amalan kitar semula.

3.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian akan mengetengahkan ciri-ciri latar belakang responden, hubungan di antara jumlah ahli keluarga dengan volum sampah yang dihasilkan, sumber informasi mengenai kitar semula, jenis bahan yang diguna dan dikitar semula, penggunaan dan pengetahuan mengenai tong 3 warna, penjualan bahan kitar semula, pengetahuan dan penyertaan responden dalam program kitar semula, pengetahuan mengenai masa pungutan sampah dan lokasi tapak pelupusan, sumber didikan mengenai program kitar semula, dan isu-isu berkaitan dengan program kitar semula.

3.1 Latar Belakang Responden

Jumlah responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah seramai 383 orang, dengan 185 responden lelaki (48 peratus) dan 198 responden perempuan (52 peratus). Manakala mengikut umur, responden yang berumur kurang daripada 20 tahun adalah seramai 57 orang (15 peratus), umur 20 tahun hingga 30 tahun adalah seramai 120 orang (31 peratus), responden yang berumur 30 tahun hingga 40 tahun adalah seramai 85 orang (22 peratus), 40 tahun hingga 50 tahun seramai 78 orang (20 peratus) dan responden lebih daripada 50 tahun adalah seramai 43 orang (11 peratus).

Pelajar merupakan jumlah responden teramai yang terlibat dalam soal-selidik ini iaitu 20 peratus, diikuti dengan jenis pekerjaan sendiri (15 peratus), suri rumah (15 peratus), pegawai (9 peratus), profesional (6 peratus), pesara (6 peratus), pendidik (6 peratus) dan lain-lain (21 peratus).

Seramai 45 responden berpendidikan Ijazah (12 peratus), Diploma / STPM / Matrikulasi 87 responden (23 peratus), sekolah menengah 191 (50 peratus), sekolah rendah 56 (15 peratus) dan pendidikan sekolah rendah 4 responden.

3.2 Hubungan di antara jumlah ahli keluarga dengan penghasilan volum sampah

Kajian mendapati sebanyak 63 peratus daripada responden (240 responden) mempunyai ahli keluarga dalam lingkungan 4 hingga 6 orang, 17 peratus mempunyai ahli keluarga seramai 7 hingga 10 orang, 16 peratus responden mempunyai bilangan ahli keluarga di antara 2 hingga 3 orang, 2 peratus mempunyai bilangan ahli keluarga melebihi 10 orang, manakala 2 peratus tinggal bersendirian.

Terdapat 38 peratus daripada responden (147 responden) menghasilkan sampah di antara 0.5 hingga 1 kilogram, 30 peratus (113 respoenden) menghasilkan sampah seberat di antara 2 kilogram hingga 3 kilogram, 21 peratus (79 responden) menghasilkan sampah lebih daripada 4 kilogram sehari, manakala 12 peratus (44 responden) menghasilkan sampah kurang daripada 500 gram. Justeru, terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan ahli keluarga dengan berat sampah harian yang dihasilkan (dengan paras kesignifikanan 0.89).

3.3 Sumber informasi berkaitan kitar semula

Responden memperoleh informasi berkaitan kitar semula melalui televisyen, diikuti surat khabar, radio, kawan ataupun saudara-mara, sekolah atau institusi pengajian, papan tanda, risalah, tempat kerja, internet, dan oleh pengendali perkhidmatan pemungutan sampah sarap; Southern Waste Management (SWM) dan lain-lain sumber. SWM yang dipertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pungutan sampah bukan merupakan sumber utama bagi orang awam untuk mendapatkan informasi kitar semula (Jadual 2).

Jadual 2: Sumber atau Media Utama Informasi Yang Diperolehi oleh Responden Berkaitan Kitar Semula

Sumber / Media	Jumlah Keperapan
Televisyen	304
Surat khabar	269
Radio	190
Kawan / saudara	108
Sekolah / institusi pengajian	84
Papan tanda	117
Risalah	84
Tempat kerja	60
Internet	39
Southern Waste Management Sdn. Bhd.	23
Lain-lain	9

3.4 Bahan Yang Dikitar Semula dan Diguna Semula

Kajian mendapati bekas plastik, tin aluminium, kertas, besi keluli, dan kaca merupakan antara bahan utama yang dikitar semula (Jadual 3). Lazimnya, penduduk di daerah ini akan menjual bahan-bahan buangan mereka kepada pihak industri yang datang membeli ataupun menjualnya kepada pengutip sampah yang terdapat di kawasan perumahan mereka. Responden mengguna semula bekas plastik, pakaian, tin aluminium, dan kaca. Bahan-bahan seperti perabot, sisa dapur / makanan, permainan kanak-kanak juga merupakan di antara bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan diguna semula.

Jadual 3: Keperapan Jenis Bahan yang Dikitar Semula dan Diguna Semula

Jenis Bahan	Dikitar Semula	Diguna Semula
Sisa dapur / Makanan	14	15
Perabot	31	42
Permainan kanak-kanak	26	40
Pakaian	30	95
Bekas plastik	274	276
Tin aluminium	273	70
Besi keluli	139	30
Kaca	120	82
Kertas	215	35

3.5 Penggunaan dan pengetahuan mengenai tong 3 warna


Seramai 87 peratus (332 orang) daripada responden pernah melihat tong 3 warna yang terletak di sekolah (209 frekuensi), stesen minyak (44 frekuensi), pasar (46 frekuensi), pasar raya (69 frekuensi), taman kediaman (116 frekuensi), tepi jalan (63 frekuensi), dan lain-lain (34 frekuensi) seperti tempat kerja, taman kanak-kanak, surau, taman rekreasi, pejabat PBT, balai raya, tempat letak kereta dan hospital,

manakala 13 peratus (51 frekuensi) responden tidak pernah melihat tong 3 warna (Jadual 4). Daripada 332 responden, hanya 130 responden (39 peratus) yang pernah menggunakan tong 3 warna ini, manakala 202 responden (61 peratus) lagi tidak pernah menggunakan tong tersebut.

Hasil yang ditunjukkan pada Rajah 2 mendapati 248 responden (65 peratus) tidak tahu akan kegunaan tong 3 warna, hanya 78 responden, 72 responden dan 69 responden menjawab betul dengan kegunaan bagi tong warna biru, jingga dan perang. Jumlah tersebut hanya terdiri daripada 18 peratus hingga 20 peratus daripada jumlah responden yang pernah melihat tong 3 warna ini. Sebahagian besar daripada responden iaitu 73 peratus (284 responden) menyatakan bahawa perletakan tong 3 warna itu berada sesuai di lokasinya berbanding dengan 27 peratus responden yang menyatakan sebaliknya. Hal ini demikian kerana ia terletak jauh daripada tempat tinggal dan jumlah yang disediakan adalah berkurangan. Daripada 130 responden yang menggunakan tong 3 warna ini, majoriti responden menggunakannya dalam tempoh sebulan sebelumnya dan lebih (59 peratus), manakala 34 peratus responden menggunakannya dalam bulan berkenaan, dan hanya lapan responden menggunakannya setiap hari kerana tong 3 warna terletak berhampiran dengan rumah mereka.

Jadual 4: Kekerapan Melihat dan Mengguna Tong 3 Warna

	Melihat	Mengguna
Pernah	332 (87%)	130 (39%)
Tidak Pernah	51 (13%)	202 (61%)
Jumlah	383 (100%)	332 (100%)



Rajah 2: Jawapan Responden Mengenai Kegunaan Tong 3 Warna

3.6 Penjualan bahan kitar semula

Walaupun, penggunaan tong 3 warna ini didapati kurang mendapat sambutan di kalangan penduduk setempat, tetapi aktiviti kitar semula ini dijalankan secara tidak langsung melalui penjualan bahan boleh dikitar semula kepada pengutip sampah atau pihak industri. Sebanyak 42 peratus responden menjual sampah sarap yang dikutip kepada pihak industri yang datang membelinya dengan harga yang lebih tinggi berbanding dijual kepada pengutip sampah. 22 peratus daripada responden akan menjual bahan kitar semula kepada pengutip sampah manakala 35 peratus daripada responden mengamalkan prinsip penjualan kepada kedua-dua pihak berdasarkan 'siapa cepat dia dapat'.

Bahan yang dijual akan ditimbang sama ada dengan menggunakan peralatan timbang (90 peratus), ukuran menggunakan jari (2 peratus) dan angkatan mengikut berat tanpa timbang (8 peratus). Jadual 5 menunjukkan julat harga bagi hasil bahan kitar semula yang dijual oleh responden dalam tempoh 3 bulan terdekat ini. Kertas atau kadboard dan tin aluminium merupakan bahan yang menjana pendapatan yang terbesar iaitu masing-masing mencatatkan RM 0.25 hingga RM 60.00 bagi jenis kertas atau kotak dan RM 1.00 hingga RM 10.00 bagi jenis tin aluminium (Jadual 5).

Jadual 5: Julat Harga Bagi Hasil Bahan Kitar Semula yang Dijual

Bahan Kitar Semula	Berat (kg)	Julat Harga (RM)
Kertas / Kotak	1 - 20	0.25 – 60.00
Plastik	-	1.50 – 2.00
Botol kaca	-	0.40 – 5.00
Tin aluminium	1 – 10	1.00 – 20.00

3.7 Pengetahuan dan penyertaan responden dalam program kitar semula

Kajian ini turut mengkaji tahap pengetahuan responden mengenai program kitar semula, 63 responden (16 peratus) mengetahui akan program kitar semula, 181 responden (47 peratus) tidak mengetahui manakala 139 (37 peratus) responden kurang pasti terhadap program tersebut. Daripada responden yang mengetahui akan program kitar semula di tempat tinggal mereka, didapati hanya 31 responden yang mengetahui masa program kitar semula dan 32 responden tidak mengetahui masa bagi program tersebut. Daripada responden yang mengetahui akan program kitar semula di tempat tinggal mereka hanya 19 orang akan mengikuti program kitar semula tersebut berbanding dengan 9 orang tidak mengikuti dan 3 orang kurang pasti.

Alasan utama (Jadual 6) yang diberikan oleh responden mengapa mereka tidak mengikuti dan mengetahui program kitar semula ialah kerana mereka tidak mahu mempraktikkan aktiviti kitar semula, mereka akan mendapatkan maklumat sendiri, mereka kurang pasti akan jadual program kitar semula, kesibukan kerja, kurang informasi mengenai program ini, tidak ada kesatuan atau program khas yang berkaitan dengan kitar semula, aktiviti menyusahkan mereka serta beranggapan bahawa kitar semula bukan tanggungjawab mereka.


Jadual 6: Faktor Responden Tidak Mengetahui dan Mengikuti Program Kitar Semula

Faktor-faktor	Frekuensi
Tidak Mahu Mempraktikkan	55
Aktiviti Kitar Semula Menyusahkan Orang	31
Kitar Semula Tidak Memberi Sebarang Faedah	25
Saya Sendiri Akan Pergi Mengetahuinya	45
Pengurusan Sampah Bukan Tanggungjawab Saya	23
Kurang Pasti Jadual Program	10
Sibuk Dengan Kerja	15
Kurang Informasi Mengenainya	5
Tiada Program atau Kesatuan	2
Kurang Kesedaran	1
Tidak Tinggal Di Rumah	1
Tiada Kesatuan Kitar Semula	1

3.8 Sumber didikan mengenai program kitar semula

Responden mendapat sumber didikan mengenai program kitar semula ialah melalui sumber yang berdekatan dengan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa 213 responden (56 peratus) dididik dan 239 (63 peratus) mendidik sumber yang berdekatan mengenai kitar semula. Melalui kajian ini, didapati bahawa ibu bapa, kawan, adik beradik, saudara-mara, anak, jiran merupakan sumber utama yang mendedahkan mereka tentang kitar semula dan golongan ini juga yang akan mengajar mereka (Rajah 3). Sumber lain yang menyumbang kepada perkara ini ialah nenek / datuk, suami / isteri dan guru. Sumber didikan ini penting adalah supaya mereka mempraktikkan amalan baik kitar semula, cinta akan alam sekitar, berjimat-cermat, mengetahui kebaikan kitar semula, menyahut seruan kerajaan untuk menjayakan kitar semula, kitar semula mudah dipraktikkan, beranggapan bahawa kitar semula bermula daripada diri sendiri, sebagai contoh dan tauladan kepada orang lain, dan kitar semula adalah tanggungjawab bersama (Jadual 6).

Seramai 170 responden (44 peratus) tidak mendidik orang lain mengenai kitar semula kerana mereka beranggapan bahawa mereka sendiri tidak tahu mempraktikkan kitar semula, kitar semula merupakan satu kerja yang menyusahkan, kitar semula tidak mendatangkan sebarang faedah kepada mereka, dan kitar semula bukan tanggungjawab mereka, kitar semula adalah tanggungjawab sekolah, program kitar semula tidak penting, serta pihak lain akan mengetahui sendiri kitar semula, kurang informasi, dan tidak pernah bincang isu ini (Jadual 7).



Rajah 3: Sumber Didikan Responden Terhadap Program Kitar Semula

Jadual 7: Faktor Dorongan Responden Dididik dan Mendidik dalam Program Kitar Semula

Alasan	Dididik	Mendidik
Mempraktikkan amalan baik	137	174
Cinta akan alam sekitar	130	146
Berjimat cermat	98	113
Mengetahui kebaikan amalan ini	92	84
Menyahut seruan Kerajaan	73	65
Menjadi insan mulia	42	51
Kitar semula mudah dipraktikkan	57	60
Kitar semula bermula daripada kita	49	54
Sebagai contoh	59	60
Tanggungjawab semua	76	69

Jadual 8: Kekerapan Mengapa Responden Tidak Mendidik Orang Lain

Alasan	Kekerapan
Tidak tahu mempraktikkan kitar semula	111
Kitar semula menyusahkan	13
Kitar semula tidak mendatangkan faedah	10
Kitar semula bukan tanggungjawab	11
Kitar semula adalah tanggungjawab pihak sekolah	24
Kurang informasi	5
Orang lain akan tahu sendiri kitar semula	3
Tidak pernah bincang isu ini	5

3.9 Pengetahuan mengenai masa pungutan sampah dan lokasi dan tapak pelupusan sisa pepejal perbandaran

Pengetahuan mengenai masa pungutan sampah dan perletakan lokasi tapak pelupusan merupakan maklumat penting yang menunjukkan kesensitivitian responden terhadap program kitar semula. Dapatan menunjukkan bahawa 213 responden (56 peratus) mengetahui masa kutipan sampah di kawasan kediaman masing-masing. Manakala baki 170 responden (44 peratus) tidak mengetahui masa pungutan sampah dengan memberi alasan bahawa hari pungutan tidak penting bagi mereka, tong sampah sudah disediakan, jadual pungutan yang tidak menentu, kesibukan kerja serta kekurangan informasi mengenai masa pungutan.

Walau bagaimanapun, kajian mengenai pengetahuan responden mengenai perletakan lokasi tapak pelupusan, didapati bahawa 102 responden (27 peratus) mengetahui lokasi perletakan tapak pelupusan. Akan tetapi, hanya 87 responden yang menjawab betul. Alasan atau faktor yang mengakibatkan 281 (73 peratus) responden tidak mengetahui perletakan lokasi tapak pelupusan adalah mereka tidak memperolehi informasi berkaitan (233 responden), mereka tidak mengambil berat akan hal ini (51 responden), kesibukan dengan kerja (3 responden) dan mereka tidak pernah melihat tapak pelupusan (2 responden).

4 KESIMPULAN

Penduduk di daerah Batu Pahat mempunyai pengetahuan am terhadap bahan yang boleh dikitar semula dan diguna semula. Tingkah laku responden terhadap penjualan bahan kitar semula hanya berlaku apabila bahan yang boleh dikitar semula telah dikumpulkan. Responden kurang mempraktikkan penggunaan tong 3 warna yang disediakan oleh pihak bertanggungjawab. Kebanyakan responden tidak melibatkan diri dalam program kitar semula di kawasan kediaman mereka. Alasan utama responden ialah mereka tidak mempraktikkan aktiviti kitar semula, jadual program tidak menentu dan kesibukan kerja.

Hakikatnya, terdapat satu komunikasi di antara responden dengan orang berdekatan bagi pertukaran informasi berkaitan dengan kitar semula. Responden menyatakan pandangan bahawa mempraktikkan kitar semula merupakan satu amalan yang baik, cinta terhadap alam sekitar, sebagai menyahut seruan kerajaan, menjadi insan yang mulia dan bertanggungjawab serta sebagai contoh kepada orang lain. Kesedaran ke atas kepentingan kitar semula agak tinggi di kalangan penduduk tempatan akan tetapi bagi mempraktikkan amalan ini agak sukar dipraktikkan oleh masyarakat umum.

Ironinya, satu isu yang perlu difikirkan secara mendalam ialah adakah promosi program kitar semula yang dijalankan selama ini telah berjaya? Adakah pihak yang bertanggungjawab dalam program kitar semula telah menjalankan tugas yang sepatutnya ataupun sekadar 'melepaskan batuk di tangga'? Pernahkan kita berfikir dahulu sebelum membuang sampah? Sejauhmanakah sumbangan kita ke atas program kitar semula di kawasan kejiranan kita? Justeru, pihak bertanggungjawab perlu memikirkan satu acuan baru agar program kitar semula ini dapat disesuaikan dengan keadaan setempat serta boleh mengubah sikap orang awam terhadap program kitar semula demi kebaikan bersama.

RUJUKAN

- Burca, D.D., Dodd, V.A. Dennison, G.J., Cullinan, N., & Madden, N. 1994. Assessing the role of kerbside recycling in municipal waste management in the Dublin Region. Proceeding of the 10 th International Conference on Solid Waste Management, Philadelphia: USA.
- Gruder-Adams, S. 1990. Recycling in multifamily units. *BioCycle*. April. pp. 36-37.
- Hageman, K. 1989. How to make a good recycling program better. *BioCycle*. April. pp: 62-64.
- Hawkins, D.J. 1991. Recycling Container Study 1991. City of Waverley: Vitoria.
- Kironde J.M.L. & Yhdego, M. 1997. The governance of waste management in urban Tanzania: towards a community based approach. *Journal of Resources, Conservation and Recycling*. No 21. pp: 213-226.
- Mongkolnchaiarunya, J. 2005. Promoting a community-based solid-waste management initiative in local government: Yala municipality, Thailand. *Habitat International Journa*. No 29. pp: 27 – 40.
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD). 1993. Household Wste Separate Collection and Recycling. OECD: Paris.
- Schmerling, E. 1990. Recycling container choices. *BioCycle*. March. pp: 36-37.
- Seow Ta Wee. 2004. Pengurusan Sisa Pepejal Di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial*. Penerbit KUiTTHO: Parit Raja. Jilid 2. Bil 1. pp 9 – 25.
- Wang, F.S., Richardson A.J. & Roddick F.A.. 1997. Relationships between set-out rate, participation rate and set-out quantity in recycling program. *Journal of Resources, Conservation and Recycling*. No 20. pp: 1 – 7.